

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT MERTA JAM)

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kemalangan jalan raya, termasuk jumlah nahas, faktor penyebab (contohnya, pemandu mabuk) mengikut pecahan bulan, negeri, jenis kenderaan, kaum, jantina setiap tahun dari 2000 sehingga angka terkini pada 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah keseluruhan kemalangan jalan raya bagi tahun 2010 hingga Mei 2020 adalah sebanyak 4,303,716 kes. Dari rekod ini, jumlah kemalangan tertinggi yang direkodkan adalah dari kategori kemalangan rosak iaitu 4,131,151 kes manakala jumlah kemalangan terendah yang direkodkan adalah dari kategori kemalangan parah iaitu 37,536 kes.

Dalam tempoh ini, sejumlah 63,842 kes kemalangan maut juga telah direkodkan. Mengikut rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), negeri tertinggi yang mencatatkan kemalangan maut adalah di negeri Selangor dengan 10,437 kes manakala negeri Perlis mencatatkan kemalangan maut terendah dengan 677 kes. Punca tertinggi yang menyebabkan kemalangan maut adalah disebabkan kenderaan terbabas sendiri tanpa melibatkan kenderaan lain dengan 19,303 kes, diikuti dengan makan jalan (7,123 kes) dan cuba/sedang memotong laluan (6,873 kes). Punca kemalangan maut yang terendah pula adalah disebabkan oleh mabuk/dadah dengan rekod 55 kes.

Selain itu, rekod PDRM bagi tempoh 2010 hingga Mei 2020 mencatatkan bilangan kematian sebanyak 69,146 kes. Dari jumlah ini, kematian tertinggi adalah melibatkan motosikal dengan 43,231 kes dan kematian terendah adalah melibatkan kenderaan jenis bas dengan jumlah 366 kes.

Bagi tempoh 2010 hingga Mei 2020 juga, rekod PDRM bagi kematian mengikut pecahan kaum adalah 39,181 orang. Kaum Melayu mencatatkan bilangan kematian tertinggi iaitu 25,710 orang, manakala bilangan kematian terendah adalah melibatkan kaum Kadazan dengan 70 orang.

Selain itu, dalam tempoh yang sama, rekod PDRM menunjukkan jantina tertinggi bagi kematian di jalan raya adalah lelaki iaitu 117,072 orang berbanding wanita iaitu 12,459 kes.